

e-BULETIN HASIL



EDISI 3/2023

JOM KLIK HASIL !

**SEMAK, LAPOR DAN BAYAR,
SEGALANYA MELALUI MYTAX !**



Tax information at
your fingertips.
www.mytax.hasil.gov.my

Download Apps Now



www.hasil.gov.my



facebook.com/LHDNM



[@LHDNMofficial](https://twitter.com/LHDNMofficial)



[@lhdnmofficial](https://tiktok.com/@lhdnmofficial)



03-8911 1000

JABATAN KHIDMAT KORPORAT | CORPORATE SERVICES DEPARTMENT

1. TANGGUNGJAWAB INDIVIDU

Sebagai pembayar cukai, pelaporan cukai yang telus dan teratur adalah penting bagi memastikan tanggungjawab kepada negara dapat dilaksanakan dengan lancar.

Terdapat empat (4) langkah mudah bagi pelaporan cukai yang lengkap :

a) Semak

- Maklumat dalam dokumen / penyata pendapatan, termasuk maklumat caruman PCB, KWSP, Perkeso, zakat dan lain-lain yang berkaitan,
- Maklumat dalam dokumen / penyata / resit yang ingin dituntut sebagai pelepasan;

b) Lapor secara e-Filing

- Pendapatan yang diterima, termasuk penerimaan bukan daripada penggajian (contoh : perniagaan, komisen, royalti dll.),
- Perbelanjaan yang layak dituntut sebagai pelepasan termasuk potongan dan rebat;

c) Bayar

- Baki cukai perlu dibayar seperti yang dipaparkan dalam e-Filing / e-Lejar sekiranya ada;

d) Simpan

- Semua dokumen / penyata / resit / helaian kerja berkaitan selama tujuh (7) tahun bagi tujuan audit.

Maklumat lanjut berhubung tanggungjawab pembayar cukai individu boleh didapati daripada Portal Rasmi HASiL, www.hasil.gov.my > Perkhidmatan > Individu.

2. PELEPASAN CUKAI TAMBAHAN BAHARU TT 2022

Terdapat 21 jenis pelepasan cukai yang boleh dituntut oleh pembayar cukai bagi Tahun Taksiran (TT) 2022, termasuk dengan beberapa pelepasan cukai baharu yang diperkenalkan iaitu :

- Perbelanjaan perubatan bagi pemeriksaan kesihatan mental atau konsultasi ke atas diri sendiri, suami / isteri atau anak, dan
- Perbelanjaan bayaran pemasangan, sewaan, pembelian termasuk sewa-beli peralatan atau langganan bagi penggunaan kemudahan pengecasan kenderaan elektrik bagi kenderaan sendiri (Bukan untuk kegunaan perniagaan).

Senarai pelepasan penuh boleh dilihat dalam borang cukai anda di MyTax melalui pautan <https://mytax.hasil.gov.my>.

3. DEFINISI PENYAKIT SERIUS

Pelepasan perbelanjaan perubatan bagi penyakit serius yang sukar diubati merupakan antara tuntutan yang paling mendapat perhatian daripada pembayar cukai. Selain penyimpanan resit perbelanjaan, definisi penyakit serius perlu diberi perhatian agar tuntutan yang dibuat boleh diteruskan.

Penyakit serius boleh diklasifikasikan sebagai penyakit *acute and chronic* yang tidak dapat diubat lagi serta memerlukan rawatan perubatan yang berpanjangan (*prolonged medical treatment*) dan terpaksa bergantung kepada ubat-ubatan yang berkemungkinan menyebabkan kesan sampingan atau penyakit lain.

Antara ciri-ciri tahap serius perlu ada unsur-unsur:-

- i) *Life threatening* – mengancam nyawa
- ii) *Sosio economic* – rawatan / perubatan dengan kos yang tinggi dan berterusan
- iii) *Acute medical illness requiring admission to hospital*

Maklumat lanjut berhubung pelepasan ini boleh dirujuk dalam Garis Panduan Berkenaan Dengan Jenis Penyakit Serius Bagi Maksud Perenggan 46 (1) (g) Akta Cukai Pendapatan 1967 melalui pautan : <https://www.hasil.gov.my/pdf/pdfam/PENYAKITSERIUS.pdf>.

4. PERMOHONAN NOMBOR PIN LEBIH MUDAH DENGAN e-KYC!

Kini, permohonan nombor PIN adalah lebih mudah dengan pengenalan aplikasi *e-Know Your Customer* (e-KYC). Ia berfungsi untuk mencipta sijil digital dan pengesahan identiti melalui kad pengenalan serta swafoto pengguna tersebut.

Dengan adanya e-KYC, pembayar cukai yang **belum mendaftar sijil digital** hanya perlu :

- a) Imbas MyKad bagi pengesahan dokumen pengenalan, dan
- b) Imbas wajah bagi pengesahan pemilik dokumen pengenalan.

Sila layari MyTax di pautan <https://mytax.hasil.gov.my> bagi maklumat lanjut.

5. HASiL KINI DI TIKTOK!

Sejajar dengan keperluan semasa pembayar cukai, maklumat percukaian dan hebahan terkini HASiL turut disediakan melalui aplikasi TikTok : <http://tiktok.com/@lhdnmofficial>.

Jom, pastikan anda turut mengikuti dan langgan akaun rasmi HASiL di saluran media sosial berikut :

Facebook : <https://www.facebook.com/LHDNM/>

Instagram : <https://www.instagram.com/lhdnm/>

Twitter : <https://twitter.com/lhdnmofficial?lang=en>

Youtube : <https://youtube.com/user/LhdnTube>

WASPADA DENGAN SCAMMER :

PASTIKAN BAYARAN DIBUAT KEPADA PENERIMA YANG TEPAT :

JENIS BAYARAN	PENERIMA
CUKAI PENDAPATAN DAN CKHT	KETUA PENGARAH HASIL DALAM NEGERI
DUTI SETEM	PEMUNGUT DUTI SETEM
KAEDAH DALAM TALIAN	LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA

BERHATI-HATI DAN JANGAN TERPEDAYA.